

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HSL 331/431 Isu-Isu Terpilih Dalam Sejarah Asia**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN  
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Setiap soalan membawa nilai markah yang sama.

1. “Perjanjian-perjanjian Cina-Asing pada abad ke-19 telah memperkuatkan Cina dan benar-benar mengubah sikapnya terhadap orang dan negara asing.” Bincangkan dengan merujuk kepada perkembangan sehingga 1911.
2. Sejauhmanakah benarnya pendapat bahawa tanpa gangguan orang dan unsur asing tidak mungkin terjadi pemberontakan besar-besaran di Cina pada kurun ke-19?
3. Dengan contoh-contoh yang sesuai bincangkan persamaan dan kelainan daripada segi latar belakang, matlamat dan cara di antara golongan pembaharu politik dan golongan revolusioner di Cina sebelum dan semasa revolusi 1911.
4. “Peristiwa Tienanmen pada Jun 1989 bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Ia hanyalah ulangan peristiwa lama yang selalu terjadi sebelum itu.” Bincangkan.
5. Sejauhmanakah kegagalan KMT mengekalkan kuasanya di Cina lebih disebabkan oleh masalah-masalah dalamannya daripada kerana tekanan faktor-faktor luaran?

6. "Walaupun terdapat beberapa perbezaan penting daripada segi cara, daripada segi matlamat Gerakan Melompat Jauh Ke Hadapan pada 1950-an tidak banyak berbeza daripada Gerakan Memperkuatkan Diri pada abad ke-19." Ulaskan.
7. "Soal budaya adalah soal pokok yang menyebabkan tercetusnya kebangkitan I-ho-cuan pada akhir abad ke-19 dan Gerakan Empat Mei sebelum 1930-an." Bincangkan.

--oo000oo--